

Timbalan PM kedua: Pemuda MCA diingot batalan usul

PULAU PINANG, Ahad — Pergerakan Pemuda MCA diingotkan supaya tidak mengemukakan usul mendesak Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad melantik Timbalan Perdana Menteri kedua dari parti itu.

Ketua Penerangan UMNO Malaysia, Datuk Haji Embong Yahaya, menegaskan di sini, adalah lebih baik tuntutan tersebut difikirkan semula dan ditarik balik demi kepentingan dan perpaduan negara.

Datuk Haji Embong berkata demikian semasa menjelaskan kenyataan Perdana Menteri yang mengingatkan komponen Barisan Nasional supaya berhati-hati sebelum membuat sesuatu tuntutan.

Beliau berkata, semua komponen parti mestilah memahami penegasan yang dibuat oleh Datuk Seri Dr. Mahathir semalam.

Datuk Haji Embong berkata demikian semasa berucap di majlis makan tengah hari anjuran UMNO Cawangan Jalan Hatim di sebuah hotel terkemuka di sini hari ini.

Datuk Haji Embong berkata, tuntutan seperti itu adalah berlebihan dan tidak pernah berlaku dalam sejarah perkembangan politik negara ini.

Beliau menarik perhatian bahawa UMNO dan orang-orang Melayu terlalu banyak bertolak ansur. Seharusnya sikap toleransi orang-orang Melayu difahami dengan sebaik-baiknya.

Datuk Haji Embong berkata, usul seperti itu boleh memberi kesempatan kepada anasir antinasional dan komunis untuk memecahbelahkan perpaduan rakyat negara ini.

Oleh kerana itu kita hendaklah sedar supaya setiap langkah yang hendak diambil jangan sampai masuk perangkap anasir tersebut.

Datuk Haji Embong lalu menasihatkan ahli-ahli UMNO seluruhnya jangan membuat keputusan mereka sendiri berhubung dengan tuntutan itu.

Katanya, "Mereka hendaklah menyerahkan perkara tersebut kepada

pucuk pimpinan parti."

Menyentuh tentang kedudukan UMNO di Pulau Pinang, Datuk Haji Embong berkata, orang-orang Melayu di sini bertuah kerana mendapat seorang pemimpin yang berkelibar. Beliau ialah Datuk Abdullah Haji Ahmad Badawi.

Beliau berharap seluruh orang Melayu di negeri ini memberi kerjasama dan sokongan sepenuhnya kepada pimpinan Datuk Haji Abdullah Badawi.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia